

PERKATAAN SEERTI / SEIRAS

PERKATAAN SEERTI / SEIRAS (LATIHAN 1)

ARAHAN: Pilih perkataan seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Ibu saya bubuh cili merah dan bawang putih ke dalam lauk itu.
 (1) kentang (2) lada
 (3) terung (4) timun ()

2. Durian-durian itu diisikan ke dalam raga buluh.
 (1) bakul (2) beg
 (3) bekas (4) tong ()

3. Encik Dollah yang lokek itu tidak pernah menderma.
 (1) bakhil (2) cergas
 (3) cermat (4) kerdil ()

4. Saya bangun daripada tidur apabila jam loceng berbunyi.
 (1) baring (2) diri
 (3) lompat (4) sedar ()

5. Saya bantu ibu mengelap jendela rumah saya.
 (1) cermin (2) langsir
 (3) lantai (4) tingkap ()

6. Anak jiran saya yang bongkak itu tidak ada kawan.
 (1) angkuh (2) bangga
 (3) ganas (4) garang ()

7. Budak-budak nakal itu hempas anak kucing hingga mati.
(1) bantai (2) banting
(3) campak (4) sebat ()
8. Zaki berasa sedih kerana ibu bapanya telah berpisah.
(1) bercerai (2) berhijrah
(3) berpindah (4) bertolak ()
9. Sebaik sahaja perlawanan bola sepak itu tamat para penonton menderu keluar daripada stadium itu.
(1) berakhir (2) berhenti
(3) terlesap (4) tertangguh ()
10. Sufri mempunyai tabiat suka menyakitkan hati rakan-rakannya.
(1) paras (2) perangai
(3) rupa (4) wajah ()
11. Ada beberapa soalan payah dalam kertas peperiksaan itu yang saya tidak boleh jawab.
(1) aneh (2) berat
(3) keliru (4) sukar ()
12. Saya tidak sangka pemuda yang tampan ialah seorang penipu.
(1) gempal (2) kacak
(3) ramping (4) tegap ()
13. Manaf susun buku-buku itu dengan elok di rak-rak dalam perpustakaan itu.
(1) cantik (2) kemas
(3) pantas (4) riang ()

4. Ramli cedera di siku dan lututnya akibat terjatuh di tangga sekolah.

- | | | |
|-------------|-----------|----------|
| (1) bengkak | (2) cacat | |
| (3) lebam | (4) luka | () |

5. Saya minta maaf daripada ibu bapa saya kerana pulang lambat dari sekolah pada hari itu.

- | | | |
|--------------|------------|----------|
| (1) beritahu | (2) bilang | |
| (3) mohon | (4) pesan | () |

16. Pak Dollah tambat perahunya pada sebatang pancang di pantai.

- | | | |
|------------|-----------|----------|
| (1) balut | (2) ikat | |
| (3) kurung | (4) letak | () |

17. Helang itu mengembangkan kepaknya lalu menerkan ayam itu.

- | | | |
|-----------|--------------|----------|
| (1) badan | (2) perut | |
| (3) sayap | (4) sesungut | () |

18. Cik Timah memarahi anak kembarnya kerana suka berkelahi.

- | | | |
|----------------|--------------|----------|
| (1) berbincang | (2) bergaduh | |
| (3) bertanding | (4) bertinju | () |

19. Encik Abdullah memang mahir membaiki enjin kereta yang rosak.

- | | | |
|-----------|------------|----------|
| (1) cekap | (2) gemar | |
| (3) kerap | (4) lincah | () |

20. Cik Zakiah menyanyi sambil mengayun buaian anaknya.

- | | | |
|--------------|---------------|----------|
| (1) mendodoi | (2) mengenjut | |
| (3) memujuk | (4) menepuk | () |

PERKATAAN SEERTI / SEIRAS (LATIHAN 2)

ARAHAN: Pilih perkataan seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Saya disuruh mengatur buku-buku saya di rak buku dengan kemas.
 (1) meletak (2) menaruh
 (3) menyimpan (4) menyusun ()

2. Encik Kadir kaya-raya tetapi sangat angkuh .
 (1) bangga (2) bodoh
 (3) bongkak (4) segan ()

3. Jangan sekali melakukan perbuatan khianat terhadap orang-orang lain.
 (1) aniaya (2) benci
 (3) dendam (4) marah ()

4. Saya sedang mendengar kisah tentang Ali Baba dengan 40 orang perompak.
 (1) berita (2) cara
 (3) cerita (4) contoh ()

5. Sebaik sahaja saya habiskan tugas sekolah, saya berehat sambil menonton televisyen.
 (1) hujungkan (2) tutupkan
 (3) selesaikan (4) tunaikan ()

6. Ramai kanak-kanak yang suka makan tembikai.
 (1) ketola (2) mentimun
 (3) nangka (4) semangka ()

7. Ali dirotan ayahnya **sebab** dia bermain di dalam longkang besar itu.
(1) juga (2) kerana
(3) suka (4) tetapi ()
8. Ayah dan ibunya **tegah** Amir bermain-main di kolong bloknya.
(1) awas (2) kurung
(3) larang (4) tahan ()
9. Ramlah berasa **hampa** apabila gagal peperiksaan itu kerana dia sudah berusaha dengan bersungguh-sungguh.
(1) cemas (2) kecewa
(3) ngeri (4) takut ()
10. Beribu-ribu ekor ayam **peliharaan** yang dibasmikan kerana penyakit yang menular itu.
(1) kesayangan (2) kurungan
(3) simpanan (4) ternakan ()
11. Ibu menyuruh saya **basuh** kasut sekolah saya dengan bersih.
(1) berus (2) cuci
(3) lap (4) siram ()
12. Kami sekeluarga akan **ziarah** rumah nenek saya di Melaka semasa bercuti di sana.
(1) kepung (2) kunjung
(3) lihat (4) sanjung ()
13. Jumiah berasa **sedih** kerana kucing kesayangannya mati dilanggar kereta.
(1) hiba (2) kasihan
(3) segan (4) segar ()

14. Pengakap-pengakap itu mendirikan khemah untuk bermalam di **tepi** sungai itu.
- (1) dalam (2) hadapan
(3) pinggir (4) sebelah ()
15. Wanita itu **memekik** dengan kuat apabila rantai lehernya diragut oleh seorang pemuda.
- (1) menangis (2) menepis
(3) mengamuk (4) menjerit ()
16. Rahmat mengaku bahawa dia tidak **biasa** hisap rokok.
- (1) belum (2) jarang
(3) pernah (4) selalu ()
17. Rupa lembaga yang **hodoh** di bawah pokok itu membuat saya berasa takut dan menjerit meminta tolong.
- (1) bengis (2) buruk
(3) cacat (4) garang ()
18. Wanita yang **berumur** lebih daripada 100 tahun itu telah meninggal dunia.
- (1) berlama (2) bertubuh
(3) berukur (4) berusia ()
19. Sungguh **banyak** penonton yang berada di tanah lapang itu untuk menyaksikan konsert yang diadakan.
- (1) beberapa (2) berlonggok
(3) ramai (4) sibuk ()
20. Beg tangan Cik Tijah **dirampas** oleh seorang lelaki yang berbasikal.
- (1) dicuri (2) dipukul
(3) diragut (4) ditarik ()

PERKATAAN SEERTI / SEIRAS (LATIHAN 3)

ARAHAN: Pilih perkataan seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Munir dilanggar sebuah van semasa dia menyeberang jalan raya di lintasan zebra.

(1) ketika	(2) sehingga	
(3) selalu	(4) selepas	()

2. Pekerja-pekerja itu sedang menggali jalan raya kerana sebatang paip air di bawah tanah bocor.

(1) membuat	(2) mencari	
(3) mengorek	(4) menyapu	()

3. Kami berasa kecewa kerana pasukan kami kalah dalam pertandingan itu.

(1) gagal	(2) gugur	
(3) silap	(4) tewas	()

4. Jufri telah ditangkap polis kerana tidak pedulikan nasihat ibu bapanya.

(1) fahamkan	(2) fikirkan	
(3) halangkan	(4) hiraukan	()

5. Encik Samsul dan isterinya berasa khuatir kerana anak tunggalnya belum pulang dari sekolah.

(1) bimbang	(2) faham	
(3) geram	(4) takut	()

6. Nelayan itu terdapat seekor anak yu di dalam bubunya.

(1) buntal	(2) jerung	
(3) pari	(4) todak	()

7. Beribu-ribu ekor **haiwan** telah terkorban akibat hutan yang terbakar itu.
- (1) binatang (2) harimau
(3) rusa (4) singa ()
8. Saya **terkejut** apabila bahu saya ditepuk oleh seorang kawan dari belakang.
- (1) terbangun (2) terbeliak
(3) tergolek (4) terperanjat ()
9. Saya sudah **berkawan** dengan Izan sejak kami belajar di sekolah rendah.
- (1) bergaul (2) berjiran
(3) berkenalan (4) bersahabat ()
10. Api lilin yang dipasang di atas meja itu **mati** kerana ditiup angin.
- (1) habis (2) malap
(3) padam (4) rosak ()
11. Rasul berehat di sofanya lalu tertidur kerana terlalu **letih** setelah bekerja sepanjang hari.
- (1) kaku (2) muak
(3) penat (4) pedih ()
12. Haji Hamdan yang **bakhil** itu tidak pedulikan orang tua yang memintanya belikannya segelas minuman.
- (1) cermat (2) lokek
(3) tamak (4) kecut ()
13. Nuri terlalu **leka** menonton televisyen sehingga tidak dengar panggilan ibunya.
- (1) asyik (2) gemar
(3) mahu (4) nikmat ()

14. Saya pungut seketul batu lalu **membalingnya** ke arah anjing yang menghampiri saya.
 (1) melambung (2) melentur
 (3) melontar (4) membuang ()
15. Setelah berjalan selama setengah jam, barulah kami **tiba** ke tempat yang ditunjukkan.
 (1) hinggap (2) jumpa
 (3) sampai (4) temu ()
16. Ayah saya baru **pulang** dari bertugas di Kuala Lumpur.
 (1) hijrah (2) kembali
 (3) lawat (4) ziarah ()
17. Pokok di belakang pondoknya itu tumbang lalu **menimpa** pondok yang sudah usang itu.
 (1) melanggar (2) menggaris
 (3) menghempap (4) merempuh ()
18. Juli enggan menyanyi di atas pentas kerana dia berasa **malu**.
 (1) segan (2) sukar
 (3) resah (4) takut ()
19. Datuk saya pergi ke **kebun** duriannya untuk memungut durian-durian yang telah gugur.
 (1) bendung (2) dusun
 (3) ladang (4) sawah ()
20. Kelakuan Rosmah yang **ganjil** itu membimbangkan ibu bapanya.
 (1) aneh (2) cantik
 (3) comel (4) kecil ()

PERKATAAN SEERTI / SEIRAS (LATIHAN 4)

ARAHAN: Pilih perkataan seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Kita mesti selalu tumpukan perhatian terhadap pelajaran sekolah kita.
 (1) elak (2) enggan
 (3) pernah (4) sentiasa ()

2. Saya sedang menunggu rakan saya untuk pulang bersama.
 (1) adik (2) ahli
 (3) jiran (4) teman ()

3. Ayah saya berasa hampa kerana saya gagal peperiksaan itu.
 (1) kasihan (2) kecewa
 (3) khuatir (4) segan ()

4. Duit syiling di dalam kocek seluar saya hilang semasa bermain di padang
 (1) dompet (2) pundi
 (3) saku (4) tabung ()

5. Ramai orang akan berasa ngeri melihat ular sawa yang melingkar di dalam longkang itu .
 (1) gerun (2) ghairah
 (3) kagum (4) takjub ()

6. Pondok usang Wak Jono runtuh akibat tiupan angin yang kencang itu.
 (1) gugur (2) jatuh
 (3) roboh (4) tumbang ()

7. Saya **terlena** semasa berbaring di katil sambil membaca buku.
 (1) terbayang (2) teringat
 (3) terlelap (4) termimpi ()
8. Ayah saya **mempelawa** rakannya menjamah juadah yang telah dihidangkan.
 (1) memanggil (2) mengajak
 (3) mengundang (4) menyuruh ()
9. Pipi Razali merah kerana **disepak** oleh abangnya kerana dia ganggu abangnya yang sedang belajar.
 (1) dicubit (2) dipiat
 (3) ditampar (4) diterajang ()
10. Kapal Titanic **tenggelam** dan beratus-ratus penumpangnya terkorban.
 (1) hanyut (2) karam
 (3) ranap (4) terbalik ()
11. Istana Sultan itu **dijaga** oleh beberapa orang pengawal.
 (1) dikawal (2) dilihat
 (3) diperhati (4) ditunggu ()
12. Saya akan ke sekolah untuk **menjemput** adik saya pulang.
 (1) mempelawa (2) meneman
 (3) mengambil (4) mengundang ()
13. Kami sedarjah akan **lawat** Taman Haiwan Mandai esok.
 (1) jemput (2) kunjung
 (3) lihat (4) tatap ()

14. Pelumba-pelumba itu **mendayung** perahu mereka dengan iringan pukulan gendang.
(1) menarik (2) mengayuh
(3) menolak (4) menyorong ()
15. Ibu suruh saya **panaskan** nasi dan lauk-pauk itu sebelum kami sekeluarga makan malam.
(1) didihkan (2) hangatkan
(3) jerangkan (4) kukuskan ()
16. Saya berasa **tenang** sahaja semasa berucap di atas pentas itu.
(1) debar (2) lelah
(3) lemah (4) tenteram ()
17. Atan telah tegakkan tiang ampaian yang **senget** itu.
(1) bengkok (2) buruk
(3) condong (4) lama ()
18. Rupa adik-beradik kembar itu **serupa** dan susah untuk bezakan antara satu sama lain.
(1) sama (2) serentak
(3) setanding (4) seumpama ()
19. Abang saya **bekerja** di sebuah pejabat kerajaan.
(1) berjaga (2) berkawal
(3) berteman (4) bertugas ()
20. Kassim yang paling **corot** dalam perlumbaan lari 100 meter itu.
(1) terbelakang (2) terceret
(3) terkurus (4) terlemah ()

PERKATAAN SEERTI / SEIRAS (LATIHAN 5)

ARAHAN: Pilih perkataan seerti/seiras dengan perkataan yang bergaris bawah dalam item-item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Wak Man tidak memakai kasut semasa berkebun.
 (1) capal (2) selipar
 (3) sepatu (4) terompah ()
2. Thomas Alva Edison adalah seorang pereka yang terkenal.
 (1) pembeli (2) pembuat
 (3) pencipta (4) peneroka ()
3. Nenek saya yang sudah tua dan uzur itu perlu makan ubat setiap hari.
 (1) lemah (2) letih
 (3) lumpuh (4) sakit ()
4. Ayah sangat suka tanam pokok-pokok bunga.
 (1) gemar (2) gembira
 (3) selalu (4) seronok ()
5. Abu yang dajal itu sering ganggu kawan-kawan sedarjahnya semasa mereka membuat kerja.
 (1) biasa (2) kerap
 (3) memang (4) sudah ()
6. Lauk kari ayam yang ibu saya masak itu sungguh lazat rasanya.
 (1) enak (2) lemak
 (3) manis (4) rangup ()
7. Pelakon yang tampan itu mempunyai ramai peminat.
 (1) comel (2) jelita
 (3) kacak (4) tegap ()

8. Encik Borhan sangat **kasih** akan anak-anaknya.
(1) hormat (2) jujur
(3) sayang (4) taat ()
9. Kereta itu terlanggar sebatang tiang lampu kerana **pemandunya** mabuk.
(1) drebar (2) mekanik
(3) pengawal (4) penumpang ()
10. Dahulu saya tinggal di sebuah kampung tetapi **kini** di sebuah estet perumahan.
(1) dahulu (2) esok
(3) sekarang (4) semalam ()
11. Ibu saya membantu saya **bungkus** kotak hadiah itu.
(1) balut (2) lekat
(3) lipat (4) tampal ()
12. Saya berasa **sangsi** melihatgerak-geri dua orang pemuda di kolong blok saya.
(1) curiga (2) gementar
(3) seram (4) takut ()
13. Pekebun itu tidak lupa untuk **taruh** baja pada tanamannya.
(1) beri (2) bubuh
(3) siram (4) tuang ()
14. Cik Mariam **peluk** anaknya dengan air mata yang menitis di pipinya.
(1) dakap (2) dukung
(3) gendung (4) timang ()
15. Kita mesti berhati-hati semasa **menyeberang** jalan raya.
(1) melintang (2) melintas
(3) mengguna (4) menurun ()

16. Saya sangat suka menonton filem-filem **jenaka** lakonan Allayarham P Ramlee.
- (1) drama (2) lucu
(3) misteri (4) sedih ()
17. Encik Mahat dan isterinya tersenyum lebar melihat suasana **riang** dalam majlis perkahwinan anaknya itu.
- (1) gembira (2) riuh
(3) sibuk (4) tenang ()
18. Tembok di ruang tamu rumah saya yang **kasar** itu sudah dilicinkan.
- (1) halus (2) kesat
(3) lurus (4) rata ()
19. Bunga mawar yang **mekar** itu akan layu beberapa hari lagi.
- (1) gugur (2) kembang
(3) kering (4) mati ()
20. Ibu saya **bancuh** bahan-bahan untuk membuat kek dalam sebiji mangkuk yang besar.
- (1) gaul (2) kisar
(3) lenyek (4) ramas ()